

# **PEWARISAN NAMA-NAMA GEOGRAFI DALAM KONTEKS MELAYU ISLAM BERAJA**

**Dr. Muhammad Hadi bin Md Melayong**  
**Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja**

Kertas kerja ini cuba untuk membincangkan tentang nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam yang berlandaskan kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja. Melayu Islam Beraja adalah merupakan cara hidup masyarakat Brunei yang diwarisi ratusan tahun lalu dan masih terus diamalkan dan dihayati sehingga ke hari ini. Secara rasminya Konsep Melayu Islam Beraja ini telah dititahkan sebagai asas pembentukan sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat iaitu Negara Brunei Darussalam yang mencapai kemerdekaan pada 1 Januari 1984 sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

*"...Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk selamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik.."*

Dalam hal ini, untuk mengekalkan negara bangsa yang merdeka dan berdaulat sepertimana yang telah dititahkan maka ketiga-tiga rangkai kata Melayu Islam Beraja ini adalah merupakan komponen penting yang menjadi identiti dan jati diri Bangsa dan Negara Brunei Darussalam. Misalnya dari segi Melayu kita boleh merujuk kepada bahasanya atau sosiobudayanya, dari segi Islamnya boleh kita merujuk dari segi nilai-nilai dan ajarannya manakala dari segi Beraja pula boleh kita rujuk kepada sistem pemerintahan politik negara yang berketuakan seorang Raja atau Sultan sebagaimana titah Baginda Sultan:

*"...Dari tiga rangkai kata Melayu Islam Beraja terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan negara, umpamanya dari Melayu itu ialah bahasanya. Siapapun tidak boleh menyangkal, bahawa Bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti. Demikian juga Islam, ialah ugama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa juarugama, suku kaum dan keturunan. Pendeknya, ugama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa perlu takut atau ragu mengenainya. Sementara perkataan*

*Beraja pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang Bersultan atau Beraja yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman sejak beberapa abad lagi... ”*

Dengan hal itu, nama-nama geografi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu daripada lambang identiti dan jati diri bangsa dan negara yang kita warisi dan terus terpelihara sebagai bukti bangsa yang bertamadun. Pada praktiknya kewujudan nama geografi di negara ini memang bercalakkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang merupakan warisan Bangsa Brunei turun temurun. Oleh itu, penamaan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam yang merupakan salah satu tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Kebangsaan Nama-Nama Geografi (JKNG) secara tidak langsung mendokong titah pemashyuran 1 Januari 1984 yang mahukan supaya Negara Melayu Islam Beraja akan terus kekal selama-lamanya. Dengan lain perkataan Melayu Islam Beraja adalah secara tidak langsung menjadi sukat-sukat atau garispandu utama untuk memberikan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam supaya ianya tidak bertentangan dengan nilai-nilai kebruneian. Pewarisan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam tidak dinafikan memang mempunyai perkaitan rapat dengan ketiga-tiga komponen Melayu, Islam dan Beraja yang menjadi amalan kehidupan bermasyarakat, beragama dan bernegara di Negara Brunei Darussalam.

Ini bermakna pernamaan nama-nama geografi yang terdapat di Negara Brunei Darussalam tidak lari daripada nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang mencorakkan cara hidup masyarakat Brunei dalam semua aspek kehidupan termasuk juga dalam penamaan kampong, mukim, daerah, tempat, sungai, tasik, parit, jalan, lorong, simpang, kolam, telaga, rumah, sekolah, universiti, bangunan dan sebagainya. Pengekalan dan penamaan nama-nama geografi yang berunsurkan kemelayuan, keislaman dan Beraja patut diambil perhatian yang serius bukan sahaja untuk menjaga dan memelihara warisan bangsa yang luhur bahkan menepati keperluan dan kehendak rakyat dan penduduk bagi mewujudkan kesejahteraan dan kesenangan kehidupan rakyat.

Ini adalah merupakan agenda utama dan gambaran akan kekayaan budaya orang Brunei yang beracuankan Melayu Islam Beraja. Dengan lain perkataan penamaan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam adalah perlu diwarnai dengan

nilai-nilai Melayu Islam Beraja sama ada yang telah berlalu ataupun pada masa akan datang. Dengan lain perkataan, garispandu ataupun sukat-sukat bagi kita menamakan sesuatu nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam perlulah dilakukan atau dilaksanakan mengikut nilai-nilai kebruneian yang tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam yang menjadi agama rasmi negara dan undang-undang negara.

Dalam membincangkan tentang pewarisan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam sepetimana yang dijelaskan di atas tadi, bahawa ketiga-tiga rangkaian Melayu Islam dan Beraja memainkan peranan penting dalam penamaan geografi sejak zaman pemerintahan kesultanan Brunei pada abad ke 14 sehingga ke dewasa ini. Pada umumnya, setelah kerajaan Melayu Islam Beraja ditubuhkan ketiga-tiga unsur Melayu Islam Beraja telah mempengaruhi penamaan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam misalnya nama pengasas Kerajaan Melayu Islam Beraja Awang Alak Betatar adalah nama penting yang menjadi warisan masyarakat Brunei. Begitu juga nama Sultan Sharif Ali yang menjadi ikon sebagai lambang perkembangan dakwah Islam, Sultan Bolkiah atau Nahkoda Ragam lambang kemasyhuran dan kegagahan dan Sultan-sultan Brunei yang lainnya. Tokoh-tokoh pemimpin Brunei memang menjadi idola atau identiti keagungan masa lalu yang masih terus digunakan dalam penamaan bangunan kerajaan atau swasta serta jalan-jalan raya dan lain-lain. Kegagahan, ketokohan dan keberanian kemasyhuran masyarakat Brunei masa lalu juga boleh dilihatkan berdasarkan kewujudan nama-nama Awang Semaun, Pateh Berbai, Pengiran Bendahara Sakam, Pengiran Shahbandar Muhammad Salleh, Dato Marsal Maun, Dato Basir dan sebagainya dalam penggunaan nama-nama geografi.

Dari segi nilai-nilai Beraja yang menjadi sistem pemerintahan politik di Brunei yang jelas bahawa istana-istana, universiti-universiti, maktab-maktab, sekolah kerajaan dan swasta, jalan-jalan raya dan sebagainya kebanyakannya dinamakan sempena nama-nama sultan, wazir-wazir, orang-orang kenamaan, pembesar-pembesar negara atau orang-orang berjasa di Negara Brunei Darussalam. Bagaimanpun selaras dengan perkembangan dan kemajuan dalam bidang ekonomi dan sosial kita terpaksa nilai-nilai baru bagi mengukuhkan lagi kelangsungan cara hidup kebruneian dalam masyarakat hari ini dan masa akan datang. Perubahan ini terpaksa diterima dan diadaptasi misalnya kalau kita merujuk kepada perkembangan sejarah sistem perhubungan di Negara Brunei Darussalam yang beralih daripada sistem perhubungan

air ke darat. Nama-nama yang wujud dalam sistem perhubungan yang baru juga adalah dipengaruhi oleh unsur-unsur kemodenan dan tidak lagi semestinya menggunakan nama-nama tradisi yang diwarisi oleh masyarakat Brunei.

Ini adalah merupakan satu cabaran terhadap nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang telah diamalkan sekian lama. Kedatangan kuasa-kuasa barat khususnya British memang tidak dinafikan telah merubah cara hidup masyarakat Brunei termasuk memperkenalkan nama-nama baru dalam sistem penamaan geografi di Negara Brunei Darussalam. Ini boleh dirujuk dengan melihat kepada perkembangan modenisasi dalam zaman pemerintahan Resident di Brunei. Misalnya dari sudut pembinaan sistem hubungan moden, jalan raya mula-mula dibina di Bandar Brunei pada tahun 1906 oleh Jabatan Kerja Raya iaitu jalan dari Bandar Brunei menuju ke Bubungan 12 dan kemudian dari bandar menuju ke Sungai Rangas. Kedua-dua batang jalan ini adalah merupakan jalan utama atau pertama yang dibina dalam sejarah perkembangan sistem perhubungan moden di Negara Brunei Darussalam pada zaman era pemerintahan Sistem Residen yang bermula pada tahun 1906 sehingga 1959. Apa yang jelas bahawa memandangkan Negeri Brunei di bawah pentadbiran British maka Residen berhak untuk membuat dasar atau polisi kerajaan dengan perkenaan Baginda Sultan. Dengan ada kuasa pada tangan British maka sempena dengan perlaksanaan Sistem Residen nama Mac Arthur telah dipilih untuk nama jalan pertama yang wujud di Bandar Brunei ketika itu. Jalan yang dimaksudkan ialah jalan yang menghubungkan antara Jambatan Kianggeh ke Bangunan Kastam Diraja.

Ini adalah merupakan gambaran cabaran dan hambatan terhadap nilai-nilai Melayu Islam Beraja dalam kehidupan masyarakat Brunei dengan kehadiran pengaruh barat yang dibawa oleh British. Ini adalah gambaran seolah-olah cara hidup Melayu Islam Beraja menghadapi zaman kegelapan ataupun kemalapan akibat daripada pengaruh sekularisme, kesan dari penjajahan British yang sememangnya pada praktiknya menguasai pentadbiran politik, ekonomi dan sosial kecuali budaya dan soal Agama Islam. Kemudian apabila Jalan Mac Arthur dipanjangkan dari bandar menuju ke Bubungan 12 melalui Kampong Kianggeh (Pusat pentadbiran dan Pejabat Residen British) jalan ini dinamakan sebagai Jalan Residency sempena dengan kewujudan bangunan Pejabat Residen British iaitu Bubungan 12. Kenyataannya jalan yang mula-

mula dibina di Bandar Brunei sepatutnya dinamakan Jalan Sultan sempena nama sultan yang memerintah ketika itu iaitu Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Selepas itu, apabila Jabatan Kerja Raya membina jalan dari Bandar Brunei menuju ke Sungai Rangas iaitu jalan menuju ke Tutong yang bermula dari depan Bangunan Kastam iaitu bertemu dengan Jalan Mac Arthur sehingga ke Bangunan Balai Bomba berdekatan dengan Jambatan Edinbrugh sekarang. Jalan ini dinamakan sebagai Jalan Sultan tetapi tidak menyembut nama Sultan Muhammad Jamalul Alam yang mengganti Sultan Hashim Jamalul Alam Aqamaddin pada tahun 1906. Baginda juga pada masa itu masih kecil dan jawatan sultan dipangku oleh dua orang wazir. Untuk makluman bahawa Jalan Sultan ini telah bertukar nama menjadi Jalan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien bermula dari depan Bangunan Kastam Diraja menuju ke Jambatan Edinbrugh (Jambatan Rangas dan Jambatan Clifford). Manakala sebelah seberangnya yang selama ini dikenali sebagai Jalan Tutong telah ditukar nama menjadi Jalan Raja Isteri **Pengiran Anak** Saleha sehingga ke lampu trafik menuju ke Simpang Jalan Telanai. Selepas simpang ke Jalan Telanai ini barulah di kenali sebagai Jalan Tutong. Perubahan ini bermula pada tahun 2012.

Di sini menampakkan jalan yang dibina pada awal tahun 1906 yang merupakan jalan pertama dan utama bagi Negeri Brunei dinamakan sempena nama-nama pemimpin luar dalam era sejarah Brunei moden. British menggunakan nama Jalan Mac Arthur pada jalan pertama di Bandar Brunei ketika kemungkinan disebabkan Mac Arthur yang memegang kuasa pada masa itu dan ia adalah pengasas kepada Sistem Residen di Brunei. Manakala Jalan Sultan juga tidak dibubuh nama sultan yang memerintah pada masa itu iaitu Sultan Muhammad Jamalul Alam kerana kemungkinan baginda masih kecil. Tetapi apa yang nampak jelas bahawa nama-nama jalan di sekitar Bandar Brunei yang dibina dalam zaman sistem pentadbiran British kebanyakannya adalah nama residen-residen British yang dilantik ketika itu seperti Jalan Mac Arthur (Jalan Residency), Jalan Roberts, Jalan Cator, Jalan Stoney, Jalan Elizabeth 2, Jalan Pretty dan lain-lain tetapi tidak ada nama sultan kecuali di daerah lain. Nama-nama wazir iaitu Pengiran Bendahara (Jalan Bendahara), Pengiran Pemancha (Jalan Pemancha) dan beberapa nama pemimpin yang terkenal seperti Jalan Perdana Menteri, Jalan Dato Marsal, Jalan Dato Basir dan sebagainya telah digunakan untuk menamakan jalan di sekitar Bandar Brunei dalam zaman pemerintahan Residen.

Bagaimanapun, nama-nama bangunan kerajaan dan swasta seperti sekolah-sekolah di Bandar Seri Begawan yang wujud pada era Residen adalah sempena nama-nama Sultan, Raja Isteri, Putera-putera dan Puteri-puteri Sultan dan orang-orang kenamaan. Oleh itu penamaan geografi dalam era Sistem Residen adalah dipengaruhi oleh dasar dan polisi Britsh yang memperkenalkan sekularisme dalam sosiobudaya dan sosiopolitik dalam masyarakat Melayu khususnya di lingkungan Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan), Bandar Seria, Bandar Tutong, Temburong dan Kuala Belait. Bagi kawasan di luar bandar masih lagi dipengaruhi oleh budaya atau cara penghidupan masyarakat berkenaan yang mendiami tempat tersebut.

Dengan lain perkataan, jika tempat tersebut didiami oleh sesebuah puak atau kaum maka nama-nama sungai, kampung, telaga, parit dan lain-lain adalah dipengaruhi oleh bahasa dan budaya setempat. Ini memang satu perkara yang lumrah berlaku di mana-mana di dunia ini. Setiap penamaan geografi yang wujud di Negara Brunei Darussalam memang mempunyai perkaitan sesuatu peristiwa atau sejarah yang pernah berlaku pada masa lampau. Contohnya ialah seperti Bukit Marikan berkemungkinan namanya dikaitkan dengan peristiwa Bangsa Amerika yang datang ke Brunei ketika itu yang terkenal dengan panggilan orang Marikan oleh orang Brunei. Begitu juga dengan Kampong Dato Gandi, Jambatan Edinbrugh, Jalan Gadong Estate, Kampong Gadong Estate, Labu Estate, Jalan Ong Sum Ping, Pulau Pungit, dan lain lain lagi memang ada sejarah dan peristiwa yang disempenakan dengan nama tempat berkenaan.

Di samping itu, kita juga perlu melihat dari warisan tradisi sejarah lisan dan hasil-hasil sastera lama yang juga menjadi sumber nama-nama geografi di negara ini. Misalnya nama beberapa buah kampung di daerah pedalaman seperti nama Tasek Merimbun adalah berkaitan dengan cerita lagenda Si Rim bun yang mula-mula membuka Kampong Tasek Merimbun seperti yang diceritakan dalam buku yang dikarang oleh Abdul Rahman Bin Haji Mohammad pada tahun 1960an. Kenyataan nama-nama kampung dan mungkin-nama-nama tempat bersejarah di negara ini adalah berdasarkan kepada sastera tradisi dan cerita lisan penduduk setempat. Penamaan Kampong Ayer adalah merupakan gambaran corak kehidupan dan aktiviti penduduk Kampong Ayer dalam bidang ekonomi, budaya dan sosial. Ini jelas berdasarkan nama kampung-kampung berikut: Kampong Pandai Besi, Kampong Sungai Siamas,

Kampong Sungai Kebun, Kampong Lorong Sikuna, Kampong Lorong Dalam, Kampong Sungai Kedayan, Kampong Setia, Kampong Ujung Bukit, dan lain-lain lagi. Kewujudan semua nama ini adalah merupakan gambaran warisan cara kehidupan masyarakat Melayu Brunei di atas air yang terkenal dalam buku "City of Many Waters". Kewujudan nama-nama dalam bahasa China adalah juga melambangkan kewujudan masyarakat China di Bandar Brunei atau daerah pedalaman.

Ada juga nama-nama yang kurang sesuai dan tidak manis didengar bagi masyarakat Brunei dan mahupun masyarakat luar yang berkenaan. Tetapi penamaan ini sesuatu tidak disengajakan atau dicipta atau tetapi relevan dengan cerita dan peristiwa tempat di mana perkara itu dilakukan. Ini adalah satu kenyataan bahawa sejarah itu tidak pandai berbohong dan perlu dirujuk sebagai panduan sebagaimana yang telah dititahkan:

*"Kita jangan lupakan 'hakikat sejarah' yang berharga ini, walaupun ramai orang lain melupakannya.*

*Tetapi bagi Brunei, kita jangan pula melupakannya. Malah ambillah ini sebagai iktibar. Kerana sejarah itu adalah guru, ia tidak pernah berbohong".*

Nama-nama tersebut adalah merupakan pernyataan sejarah yang benar-benar berlaku dan berkaitan dengan tempat berkenaan. Misalnya ialah Kampong Batang Duri, Kampong Pad Nunok, Kampong Sungai Hanching, Kampong Jalan Badas, Kampong Sungai Bera, Kampong Keramut dan lain-lain. Kemungkinan nama batang berduri itu bersempena dengan satu batang besar yang berduri, manakala Kampong Pad Nunok ada kemungkinan merujuk kepada batang Kayu Ara yang dirintang untuk menyeberang anak sungai di tempat berkenaan dan begitu juga nama-nama yang lainnya. Bagaimanapun, pada keseluruhannya adalah didapati bahawa penamaan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam mempunyai nama-nama yang positif dan tidak banyak yang bercanggah dengan budaya kemelayuan atau kebruneian yang menggambarkan kehalusan, kebaikan dan ketata tertib hidup bermasyarakat dan bernegara. Setiap nama yang diberikan pada sesuatu itu memang relevan dengan tempat, kawasan, daerah, kampung berkenaan. Oleh itu, ianya mudah difahami, diketahui dan dimaklumi atau dicari oleh masyarakat setempat khususnya kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan sosiobudaya setempat khususnya mereka yang pernah menetap di tempat tersebut. Oleh itu, kebanyakan nama tradisi

yang kitani warisi di Negara Brunei Darussalam adalah merupakan warisan yang berkaitan dengan senario sejarah yang dilalui oleh masyarakat setempat yang memiliki, mempunyai ataupun yang mengamalkan budaya di tempat berkenaan.

Meskipun kita masih mahu mengekalkan warisan tradisi Melayu Islam Beraja ini dalam menamakan tempat-tempat geografi tetapi disebabkan perubahan cara hidup dan juga akibat dengan kurangnya maklumat tentang warisan sejarah masa silam, maka, pada dewasa ini penamaan sesuatu tempat adalah dipengaruhi oleh penggunaan *digitalisation* ataupun penomboran terutama bagi menamakan simpang atau lorong jalan misalnya Simpang 843-1-31, Simpang 2-34, Simpang 3 dan sebagainya. Perlu diingat bahawa penamaan geografi ini amat penting untuk dijadikan panduan dan rujukan orang ramai khususnya daripada masyarakat luar yang tidak pernah datang atau mengunjungi tempat berkenaan terutama golongan pelancung yang melawat ke kawasan bandar ataupun desa. Contoh sahaja sekiranya seseorang mahu mencari destinasi yang dituju. Oleh itu, penggunaan nama berdasarkan warisan sosiobudaya itu adalah lebih baik kerana senang diingat dan dikenali oleh orang ramai daripada menggunakan penomboran yang panjang lebar dan mengelirukan dan sukar orang ramai untuk menuju ke tempat destinasi yang ingin dicapai.

Satu lagi keunikan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi sandaran menamakan sesuatu di negara ini ialah memestikan penggunaan tulisan jawi setiap nama pada papan tanda yang digunakan disamping ejaan Melayu di sebelah bawah yang berukuran lebih kecil. Ini adalah merupakan satu identiti atau jati diri Bangsa Melayu Brunei yang amat dibanggakan berdasarkan kepada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang meletakkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Pemasangan papan tanda dengan perkataan tulisan jawi ejaan Subahanallah, Allahuakbar dan Alhamdulillah di setiap batang jalan adalah juga melambangkan identiti Negara Zikir dengan menghayati nilai-nilai Islam yang menjadi cara hidup yang sempurna dan lengkap selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara.

Dengan lain perkataan bahawa warisan tradisi yang berdasarkan kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja adalah amat penting dikekalkan dalam usaha kita untuk mengukuhkan nilai-nilai warisan yang luhur kitani, kerana sejarah kita merupakan

bukti kewujudan yang boleh menguatkan lagi semangat jati diri dan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala misalnya sebagai contoh nama-nama tempat bersejarah di Kota Mekah dan Madinah yang mana warisan tradisi dikekalkan, dijaga atau dipelihara kerana ia adalah pembuktian akan sejarah keagungan Islam khususnya dari segi pelaksanaan kewajiban umat Islam seperti mengerjakan Haji dan Umrah adalah berdasarkan kepada pembuktian yang tertulis dalam al-Quran dan pembuktian nama-nama penting seperti Gua Hira, Bukit Hud, Padang Arafah, Muzalifah, Mina dan nama-nama masjid seperti Masjid Nabawi, Masjid Dua Kiblat dan sebagainya. Semua nama tersebut sebagai saksi dan boleh mengukuhkan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi negara kita Negara Brunei Darussalam, warisan sejarah adalah bukti bahawa kita cinta kepada negara, agama dan bangsa kerana kadang-kadang sesuatu itu hanya tinggal pada nama tetapi ia mempunyai nilai-nilai artistik atau semangat yang boleh mempengaruhi jiwa dan juga keimanan hamba Allah itu. Melayu Islam Beraja bukan sahaja merupakan salah satu faktor penting dalam menamakan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam sebagai satu usaha untuk mengekalkan identiti Negara Brunei Darussalam yang berlandaskan kepada identiti kebruneian. Juga yang paling penting ialah dari segi sejarah iaitu di mana sejarah ataupun peristiwa yang berkaitan dengan nama-nama geografi haruslah dipertimbangkan dalam menamakan satu tempat yang baru dan bersesuaian dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja. Ini adalah kerana sejarah merupakan warisan ketamadunan manusia yang menjadi bahan rujukan ataupun bahan panduan untuk meneruskan dasar ataupun polisi negara pada masa akan datang. Oleh itu, kita patut menoleh ke belakang untuk bergerak ke hadapan supaya kita dapat mengelakkan sesuatu yang tidak baik berlaku dalam menjalani kehidupan masa depan. Oleh itu, pentingnya peristiwa-peristiwa bersejarah ini diambil perhatian dalam menamakan suatu tempat yang baru dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat dan negara. Apa yang penting, warisan sejarah zaman perlu dikekalkan melalui penamaan geografi supaya nama tersebut boleh memberi kesedaran, keinsafan dan pengajaran melalui rintisan cerita dan peristiwa disebaliknya kepada generasi baru masa akan datang.

Misalnya dalam mengimbas kembali sejarah Mukim Pengkalan Batu di mana terdapat beberapa nama tempat dan kampung yang lenyap daripada proses penamaan

di mukim tersebut dan kadang-kadang juga kerana kekurangan maklumat ataupun pengetahuan tentang sejarah latar belakang mukim dan kampung-kampung di daerah tersebut menetapkan nama-nama kampung di kawasan mukim tersebut tidak bertepatan dengan tempat atau kawasan yang dimaksudkan misalnya nama Kampong Pengkalan Batu adalah memang sesuai dengan wujudnya pengkalan yang berbatu di mukim tersebut yang menjadi tempat utama dalam kegiatan *mengalu* iaitu tempat perjumpaan antara orang darat dan orang dari Kampong Ayer. Kemudian nama Kampong Parit juga sesuai kerana pada masa dahulu parit adalah merupakan satu sungai kecil yang menjadi jalan perhubungan untuk perahu-perahu kecil dari sungai-sungai besar ke darat. Nama telaga masin yang berair masin adalah juga penting bagi menamakan Kampong Masin. Begitu juga Kampong Mulaut adalah berkaitan dengan keadaan Kampong Malaut yang selalu banjir atau *bah* iaitu kawasan dari Kampong Sengkurong sampai ke Kampong Mulaut. Manakala Kampong Bebatik pula berasal daripada orang yang bebatik-batik dan Kampong Sangai-Sangai adalah berkaitan dengan kisah atau peristiwa kaki orang yang digigit oleh buaya. Satu lagi tempat yang hilang dalam sejarah Kampong Masin ialah nama Kampong Lumbi yang berasal daripada seorang raja Murut yang tinggal dan berkubur tidak jauh dari Sekolah Rendah Masin. Mengikut ceritanya beliau ini orang yang berlimu dan telah berperang dengan Raja Junjungan yang beragama Islam. Oleh itu, maklumat dan juga sejarah kampung yang berkenaan harus dipertimbangkan dalam menamakan nama-nama geografi di Negara Brunei Darussalam khususnya yang menggambarkan sejarah silam masyarakat dan penduduk di negara ini yang merupakan satu warisan Melayu Islam Beraja.

Melayu Islam Beraja adalah merupakan warisan Bangsa Brunei turun temurun, pengekalan nama-nama geografi berdasarkan nilai-nilai kebruenan secara tidak langsung melambangkan tekad dan usaha murni rakyat dan penduduk negara ini sama-sama dalam mendokong titah baginda Sultan bagi mengekalkan kewujudan sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka dan berdaulat bagi kelangsungan hidup bermasyarakat dan bernegara.